

Headline	Kes jangkitan HIV menurun		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	9	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	94 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 376
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,128



Kes jangkitan HIV menurun

GEORGETOWN - Kes baru jangkitan HIV pada tahun lalu menurun secara konsisten sehingga mencapai 12.8 kes bagi setiap 100,000 penduduk.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Hasan Abdul Rahman berkata, penurunan itu menunjukkan negara berupaya mencapai sasaran penurunan kes itu sebelum 2015.

"Bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, 1,570 kes baru HIV dilaporkan dan menjelang akhir tahun dijangkakan 3,140 kes baru dikesan.

"Ini akan menjadikan anggaran kes tahun ini 11 kes bagi 100,000 penduduk," katanya dalam ucapannya yang dibacakan Pengarah Kesihatan Pulau Pinang, Datuk Dr Teh Lei Choo pada majlis perasmian Persidangan Aids

Kebangsaan Kedua di sini.

Menurutnya, negara mungkin mencapai sasaran itu sama ada pada tahun ini atau tahun depan jika orang ramai, terutama kumpulan berisiko tinggi melakukan ujian pengesanan dan saringan bagi mengesan penyakit itu.

"Mengikut statistik, kes tertinggi dilaporkan pada 2002, sebanyak 28.5 kes, namun pada 2003 ia mula menunjukkan penurunan secara konsisten," katanya.

Dr Hassan berkata, nisbah jangkitan baru HIV dalam kalangan wanita meningkat daripada 1.2 peratus pada 1990 sehingga 18.3 peratus pada 2010.

"Faktor utama jangkitan ini adalah melalui hubungan seks dengan pasangan dijangkiti HIV," katanya.